



KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN
Blok 2, Menara Seri Wilayah, Presint 2, 62100 Putrajaya
Tel: 03-8889 7888 Faks: 03-8889 7957
Laman web: www.kwp.gov.my

SIARAN MEDIA

UNTUK LIPUTAN MEDIA MASSA

MAJLIS RUMAH TERBUKA CHINESE NEW YEAR WILAYAH PERSEKUTUAN MENAMBAH KEMERIAHAN WARGA KOTA

KUALA LUMPUR, 22 Februari 2016 - Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) dan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dengan kerjasama Yayasan Wilayah Persekutuan (YWP) menganjurkan Majlis Rumah Terbuka Chinese *New Year* Wilayah Persekutuan sempena Sambutan Hari Wilayah Persekutuan (SHWP) 2016 di Dataran DBKL. YB Datuk Seri Utama Tengku Adnan bin Tengku Mansor, Menteri Wilayah Persekutuan dan isteri, YBhg. Datin Seri Utama Datuk Anggraini Sentiyaki turut sama memeriahkan majlis dan beramah mesra dengan warga Wilayah Persekutuan. Beliau turut menyampaikan angpau kepada kira-kira 5,000 orang berjumlah RM200,000.00 sumbangan dari Yayasan Wilayah Persekutuan.

2. Majlis Rumah Terbuka Chinese *New Year* Wilayah Persekutuan ini merupakan program yang berkonsepkan mesra rakyat bersama seluruh warga Wilayah Persekutuan. Program ini juga merupakan salah satu inisiatif Kementerian untuk mengeratkan hubungan sesama warga kota. Kepelbagaian masyarakat yang hidup dalam keadaan aman dan harmoni merupakan keunikan dan ini menjadikan semua perayaan termasuk Tahun Baru Cina diraikan dengan meriah di Malaysia khususnya di Wilayah Persekutuan. Di samping itu, ia juga merupakan salah satu program yang dapat mengukuhkan hubungan dengan warga kota di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan juga di Putrajaya.

3. Program ini merupakan salah satu program dalam kalendar SHWP 2016 untuk semua warga kota meraikannya bersama-sama selaras dengan objektif SHWP 2016 memandangkan perayaan sambutan Tahun Baru Cina pada tahun ini jatuh dalam bulan sambutan Hari Wilayah Persekutuan. Selain itu, juga program ini dianggap sebagai satu manifestasi bahawa rakyat Malaysia mampu menghormati agama serta budaya lain dan hidup bersama walaupun berbeza fahaman dan kepercayaan. Keharmonian dan perpaduan perlu dikekalkan walaupun mempunyai fahaman agama yang berbeza, kebudayaan, bahasa dan latar belakang. Bagi menjadikan masyarakat yang harmoni, kerjasama dan perpaduan perlu diterapkan tanpa mengambil kira perbezaan. Mudah-mudahan dengan komitmen yang padu dari semua pihak akan dapat menjadi penggerak dalam mempercepatkan kejayaan 1Malaysia selaras dengan cita-cita negara seperti yang terkandung dalam Wawasan 2020.

4. Majlis Rumah Terbuka Chinese *New Year* Wilayah Persekutuan yang dianjurkan oleh KWP, DBKL dan YWP ini akan dapat meningkatkan kesedaran kepada warga kota mengenai kepentingan kehidupan yang ceria, gembira dan bahagia. Ini adalah harapan KWP agar dapat membentuk satu komuniti Wilayah Persekutuan yang berdaya maju, produktif dan harmoni supaya warga kota sentiasa merasai keceriaan dan kesejahteraan.

Disediakan oleh:

Bahagian Komunikasi Korporat
Kementerian Wilayah Persekutuan
Kuala Lumpur
22 Februari 2016